



KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT SAMBUT HARI PEKERJA PEMBERSIHAN HARGAI SUMBANGAN PETUGAS BARISAN HADAPAN

SEREMBAN, 16 JUN 2023 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) meraikan sambutan Hari Pekerja Pembersihan bagi menghargai petugas barisan hadapan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Dianggarkan lebih kurang 1,900 orang petugas barisan hadapan dan kakitangan perkhidmatan kutipan sisa pepejal menyambutnya secara serentak di lapan daerah di Negeri Sembilan.

“Bagi pihak pengurusan SWM Environment, Selamat Hari Pekerja Pembersihan kepada semua warga petugas barisan hadapan kami. Ianya adalah satu penghargaan dan pengiktirafan kepada semua pekerja yang bertungkus-lumus memerah keringat di bawah terik panas matahari dan basah di kala hujan bagi memikul tanggungjawab menjaga kebersihan,” kata Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin.

SWM Environment amat berbesar hati menyantuni petugas barisan hadapan yang menjadi tunjang kejayaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Sembilan. Ini akan menjadi penyuntik semangat dan meningkatkan lagi motivasi kepada pekerja yang banyak mencurahkan keringat dan tenaga demi menjaga kebersihan alam sekitar.

Katanya lagi, bersempena sambutan Hari Pekerja Pembersihan, seramai 83 warga kerja SWM Environment menerima sijil penghargaan *Pekerja Contoh* daripada pihak SWCorp sebagai penghargaan kepada mereka di atas kesungguhan, kerja keras, dan komitmen yang diberikan bagi memastikan tanggungjawab dan amanah yang digalaskan di bahu dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Petugas barisan hadapan SWM Environment bergelumbang dengan pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*) dan berhadapan pelbagai kesukaran dalam memastikan tahap kebersihan yang dilaksanakan mencapai *standard* piawaian yang telah digariskan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Sebagai contoh, petugas pembersihan awam perlu memasuki lubang longkang yang sempit dan gelap untuk mengeluarkan sisa yang menyekat aliran air longkang. Petugas SWM Environment juga perlu berhadapan dengan kenderaan yang dipandu laju dan boleh membahayakan nyawa mereka.

Justeru itu, usaha yang dilakukan oleh petugas pembersihan ini perlu dihargai dan mendapat kerjasama daripada semua pihak terutamanya orang ramai agar anggota pekerja SWM Environment dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Kesedaran awam terhadap pengurusan sisa pepejal yang berhemah sangat penting agar kebersihan dan kesejahteraan dapat dicapai dan semua pihak akan memperoleh suasana



kehidupan yang lebih bersih dan sihat. Dedikasi dan komitmen yang diberikan oleh petugas pembersihan amatlah dihargai dan disanjung dalam mentransformasikan negara yang lebih bersih demi kesejahteraan orang ramai.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

SWM ENVIRONMENT HQ:

SHIDA TASLIM

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019 – 255 0908

E-mel : norsida.taslim@swmsb.com



SWM ENVIRONMENT

SWM ENVIRONMENT NEGERI SEMBILAN:

NURUL LIZA BINTI MOHD NAJIB

Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan & Melaka)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com